

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 04

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Lapangan Terbang Pengkalan Chepa berpotensi dijadikan Bandaraya Aeropolis pada masa hadapan. Apakah Kerajaan bersetuju bahawa Kerajaan sebelum ini telah mendiskriminasikan Kelantan dalam soal pembangunan infra seperti yang berlaku kepada Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Kota Baharu, Kelantan bertindak sebagai *feeder* atau sokongan kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan merupakan lapangan terbang domestik kedua yang paling sibuk selepas Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Lapangan terbang ini mengendalikan 171 operasi penerbangan seminggu.
2. Pada masa ini, Kerajaan hanya memfokuskan kepada pembangunan KLIA Aeropolis yang telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada teras strategik dalam pelan perniagaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Zon pembangunan KLIA Aeropolis ini adalah berkeluasan 10 km x 10 km atau 22,270 ekar yang merangkumi tiga kluster utama iaitu Kargo Udara dan Logistik, Pusat Perniagaan dan Industri Aeroangkasa serta Pusat Pelancongan dan MICE (*Meeting, Incentive, Conference and Event*). Pembangunan KLIA Aeropolis ini dijangka dapat menjana 208,300 peluang pekerjaan pada tahun 2055 dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terkumpul sebanyak RM319 bilion menjelang tahun 2060.
3. Dalam hubungan ini, cadangan pembangunan aeropolis di LTSIP dan lain-lain lapangan terbang akan dipertimbangkan pada masa hadapan setelah KLIA Aeropolis berjaya mencapai sasarannya.
4. Kementerian Pengangkutan akan terus memantau prestasi pengendalian penumpang, kargo dan pergerakan pesawat di semua lapangan terbang negara dan akan memastikan ia memenuhi permintaan sedia ada. Dalam hubungan ini, tertakluk kepada kedudukan kewangan negara, tumpuan akan diberikan kepada projek menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur di lapangan terbang yang lebih kritikal dan telah mencapai had kapasitinya. Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan mendiskriminasi

NO SOALAN: 04

mana-mana negeri di Malaysia termasuk Kelantan dalam soal pembangunan lapangan terbang.

Sekian, terima kasih.